MAJLIS OPTIK MALAYSIA
BAHAGIAN AMALAN PERUBATAN
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

GARIS PANDUAN PERKHIDMATAN KOMUNITI OPTOMETRI (ANJURAN BADAN BUKAN KERAJAAN (NGO) DAN PENGAMAL OPTOMETRI SWASTA)

Majlis Optik Malaysia
Bahagian Amalan Perubatan
Kementerian Kesihatan Malaysia
Aras 2, Blok E1, Parcel E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62590 Putrajaya
Tel : 03 - 8883 1111
Emel : moc@moh.gov.my
Laman web : http://www.moc.gov.my

ISI KANDUNGAN

		Muka surat
1.	Pengenalan	3
2.	Objektif	3
3.	Skop	3
4.	Peristilahan	4
5.	Kaedah Permohonan	4
6.	Syarat-syarat dan Protokol	5
7.	Pihak Yang Boleh Memohon Menganjur dan Terlibat Di Dalam Program	5
8.	Tindakan Susulan	6
9.	Senarai Rujukan	6
10.	Lampiran	
	1. Borang Permohonan Perkhidmatan Komuniti Optometri	7
	2. Carta Alir: Protokol Sebelum Program Dijalankan	8

1. PENGENALAN

Majlis Optik Malaysia (MOC) diberi mandat untuk melaksanakan aktiviti mengawalselia pengamal berdaftar supaya dapat melindungi dan menjaga kepentingan awam. Tujuan utama garis panduan ini adalah untuk mengekalkan standard kompetensi profesional pengamal dan tata etika pengamal yang berdaftar dengan Majlis Optik Malaysia. Juruoptik dan Optometris didefinisikan sebagai pengamal berdaftar dengan MOC.

Garis panduan yang dihasilkan adalah bertujuan untuk memberi panduan dan arahan yang jelas berhubung skop perkhidmatan pengamal berdaftar yang boleh diberikan dan bagaimana ia diberikan. Adalah menjadi tanggungjawab setiap pengamal untuk menjalankan penilaian secara profesional apabila hendak menentukan keperluan semasa dan masa hadapan setiap pesakit secara individu.

Garis panduan ini akan sentiasa berevolusi bagi menunjukkan kemajuan dalam bidang sains perubatan dan optometri, perkembangan innovasi teknologi dan kekinian dalam skop perundangan perkhidmatan.

2. OBJEKTIF

i. Objektif Umum

Untuk menyeragamkan proses permohonan penganjuran dan penglibatan pengamal optometri dalam program saringan penglihatan

ii. Objektif Khusus:

Menerangkan kaedah permohonan serta syarat-syarat yang perlu dipatuhi oleh penganjur dan pengamal optometri.

3. SKOP

Garis panduan ini terpakai kepada penganjur dan pengamal optometri yang bertanggungjawab sepanjang penganjuran program saringan penglihatan dijalankan.

4. PERISTILAHAN

i.	Khidmat komuniti (Optometri)	Kerja-kerja sukarela yang dilaksanakan secara oleh organisasi atau individu. Merupakan program yang dijalankan bagi mengesan masalah mata di kalangan orang awam yang bertujuan meringankan bebanan, memberi manfaat, dan kesejahteraan kepada komuniti tanpa paksaan daripada mana-mana pihak dan tidak bermotifkan keuntungan atau tujuan politik.
ii.	Badan bukan kerajaan (NGO)	Organisasi yang ditubuhkan bertujuan untuk memelihara atau memperjuangkan sesuatu matlamat atau sebarang isu yang mempunyai kepentingan dalam sesebuah masyarakat. NGO pada prinsipnya bertindak secara sukarela, tanpa paksaan daripada mana-mana pihak dan tidak bermotifkan keuntungan atau tujuan politik.
iii.	Premis optikal	Kedai yang mempunyai pengamal optometri dan menawarkan perkhidmatan optometri kepada orang awam.
iv.	Pengamal optometri	Juruoptik atau optometris berdaftar dengan Majlis Optik Malaysia (MOC)
v.	Juruoptik berdaftar	Seseorang juruoptik yang didaftarkan di bawah seksyen 18 Akta Optik 1991
vi.	Optometris berdaftar	Seseorang optometris yang didaftarkan di bawah seksyen 19 Akta Optik 1991

5. KAEDAH PERMOHONAN

i. Permohonan kebenaran menjalankan aktiviti perlu dibuat **SEBULAN SEBELUM PROGRAM** dijalankan.

ii. Penganjur perlu mengisi Borang Permohonan Perkhidmatan Komuniti Optometri (Rujuk **Lampiran 1**) dan menghantarnya secara email ke email rasmi Majlis Optik Malaysia: **moc@moh.gov.my**

6. SYARAT-SYARAT & PROTOKOL

i. SYARAT-SYARAT

Terdapat beberapa syarat dan kriteria yang ditetapkan dan perlu dipatuhi sebelum sebarang anjuran saringan penglihatan diadakan iaitu:

a. Tiada sebarang aktiviti penjualan produk optikal / kanta lekap dijalankan.
b. Tidak boleh mengeluarkan sebarang preskripsi kepada pesakit yang hadiri saringan.
c. Sebarang rujukan kes kepada premis optikal/hospital perlu dimaklumkan dan mendapat persetujuan terlebih dahulu daripada pihak yang dirujuk.
d. Dijalankan oleh pengamal optometri:
    i. Optometris berdaftar yang mempunyai Sijil Perakuan Pengamalan Tahunan (APC) yang sah.
    ii. Juruoptik berdaftar yang mempunyai Sijil Perakuan Pengamalan Tahunan (APC) yang sah

ii. PROTOKOL

Protokol sebelum program dijalankan (Rujuk **Lampiran 2**: Carta Alir)

a. Hantar borang permohonan kebenaran menjalankan program kepada MOC dan PBT komuniti terlibat.
b. Maklum dan dapatkan persetujuan daripada premis optikal/ klinik kesihatan untuk menerima rujukan kes-kes daripada program ini.
c. Jalankan saringan penglihatan seperti yang dirancang dan rujuk pesakit yang memerlukan rawatan susulan ke premis optikal yang berkenaan.

7. PIHAK YANG BOLEH MEMOHON MENGANJUR DAN TERLIBAT DI DALAM PROGRAM

Badan bukan kerajaan (NGO); wajib berkolaborasi dengan mana-mana:

i. Hospital / Pusat perubatan (Mata);
ii. Premis optikal;

yang mempunyai pengamal optometri.

8. TINDAKAN SUSULAN

Rujuk kes-kes yang dikesan ke klinik pakar mata dan optometri (Hospital atau klinik kesihatan kerajaan/swasta atau premis optikal berdekatan) untuk rawatan susulan. Lampiran senarai pesakit yang dirujuk diberikan kepada wakil komuniti (jika ada) sebagai makluman.

9. SENARAI RUJUKAN

1. Akta Optik 1991
2. Peraturan-peraturan Optik 1994

LAMPIRAN 1

BORANG PERMOHONAN PERKHIDMATAN KOMUNITI OPTOMETRI

Nama Program	:
Tarikh Program	:
Masa Program	
Lokasi Program	:
Penganjur	:
Kumpulan sasar (Bilangan)	:
Senarai Aktiviti (Sila sertakan senarai aktiviti / tentatif program)	:
Nama Penganjur	:
Alamat Penganjur	:
Emel & Tel untuk dihubungi	:
Pihak Lain Yang Terlibat (Hospital /Pusat Perubatan (Mata) Swasta / Premis-Premis Optikal) ****Jika Ada**	:
Senarai Pengamal Optometri Yang Terlibat (Nama Penuh Dan No. Daftar MOC) **** Sila Buat Lampiran Jika Perlu**	: 1. 2.
Premis-Premis Optikal Yang Dirujuk Untuk Rawatan Susulan ****Jika Ada**	
Nama Pemohon Tarikh	: :

Nota:

1. Permohonan ini hendaklah sampai di pejabat Majlis Optik Malaysia (MOC) **1 BULAN SEBELUM** tarikh aktiviti dijalankan.
2. Rujuk Garis Panduan Penganjuran Dan Penglibatan Di Dalam Program Saringan Penglihatan Sebagai Khidmat Komuniti untuk keterangan lanjut.

LAMPIRAN 2

CARTA ALIR: PROTOKOL SEBELUM PROGRAM DIJALANKAN